



## KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA


### PEJABAT DAERAH DAN TANAH KUALA PILAH NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS

1. Sebutharga adalah dipelawa kepada pembekal-pembekal yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia di bawah **Kod Bidang 020601 – Alat Tulis (Toner)** bagi menyertai sebutharga bekalan yang berikut:

NO. SEBUTHARGA	PERKARA	GRED/ KATEGORI/ KOD BIDANG	HARGA DOKUMEN	PEMBELIAN DOKUMEN	TARIKH AKHIR PENGHANTARAN DOKUMEN
PDKP 4/2023	MEMBEKAL DAN MENGHANTAR BEKALAN TONER, CARTRIDGE DAN RIBBON UNTUK PENCETAK DI PEJABAT DAERAH DAN TANAH KUALA PILAH.	020601	<b>RM30.00</b>  (dalam bentuk Wang Tunai sahaja)	<b>Tarikh :</b> 27 Februari 2023 (Isnin)  <b>Masa :</b> 9.30 pagi  <b>Tempat :</b> Bahagian Khidmat Pengurusan, Pejabat Daerah Dan Tanah Kuala Pilah, Kompleks Pentadbiran Daerah Kuala Pilah, 72000 Kuala Pilah, Negeri Sembilan.	20 Mac 2023 (Isnin)  Sebelum atau pada Jam 12.00 tengah hari  di  Bahagian Khidmat Pengurusan Pejabat Daerah Dan Tanah Kuala Pilah Kompleks Pentadbiran Daerah Kuala Pilah, 72000 Kuala Pilah, Negeri Sembilan

2. Kontraktor diwajibkan membawa sijil asal semasa mendapatkan dokumen sebutharga. Sijil-sijil berkenaan mestilah masih sah laku tempohnya.
3. Dokumen yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam **sampul berlakri dan ditulis No.Sebut Harga “Membekal dan menghantar Bekalan Toner, Cartridge dan Ribbon untuk Pencetak di Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Pilah di bahagian atas sebelah kiri** dan dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga mengikut alamat di atas. Tawaran yang lewat tidak akan diterima.
4. Pentadbiran ini tidak terikat untuk menerima tawaran paling rendah atau sebarang sebut harga atau mengemukakan sebab-sebab sebut harga tersebut ditolak atau dibatalkan dan juga tidak bertanggungjawab ke atas sebarang kos perbelanjaan berhubung dengan sebut harga ini.

5. Tawaran sebutharga **tidak akan dipertimbangkan** sekiranya :
  - a. Penyebut harga **LEWAT** mengemukakan Dokumen Sebut Harga
  - b. Penyebut harga **GAGAL** mengemukakan dokumen wajib seperti yang dinyatakan dalam dokumen Sebut Harga.
6. Keputusan sebutharga adalah **muktamad**.
7. Sebarang pertanyaan dan keterangan lanjut boleh berhubung terus dengan dengan pejabat ini di talian 06-4814155 pada waktu pejabat dari jam 8.00 pagi hingga 5.00 petang.



.....  
**(MOHD FAIZAL BIN ABDUL MANAP)**  
Pegawai Daerah Kuala Pilah,  
Pejabat Daerah Dan Tanah Kuala Pilah.

**Tarikh:** 22 Februari 2023